

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2015/2016

Jun 2016

**HMT 507 – ISU SEMASA BAHASA MELAYU**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**ARAHAN:**

1. Kertas soalan ini mengandungi DUA bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.
2. Jawab SEMUA soalan dalam Bahagian A dan mana-mana DUA soalan dalam Bahagian B.
3. Kesemua soalan yang perlu dijawab ialah EMPAT soalan sahaja.

Bahagian A: Jawab SEMUA soalan.

1. Berdasarkan **Data I**, jawab [a] dan [b].

#### **Data I**

Terdapat tiga jenis teks dalam telefon bimbit iaitu teks biasa (normal text), teks soalan (question text) dan teks bantuan (help text). Faktor ruang merupakan faktor yang utama dalam terjemahan dan penyediaan teks tersebut. Setiap teks telah ditetapkan mengikut ruang yang disediakan. Ini bermakna, teks perisian sasaran perlu mengikut jumlah aksara yang wajib dipatuhi secara mendatori.

Diubahsuai daripada Syed Zainal Ariff (2002)

- [a] Bincangkan masalah penterjemahan dan penggunaan versi terjemahan bahasa Malaysia dalam telefon bimbit.

[10 markah]

- [b] Nyatakan kaedah penterjemahan yang digunakan untuk terjemahan teks bahasa Inggeris ke bahasa Malaysia dalam telefon bimbit berserta contoh-contoh yang sesuai.

[15 markah]

2. Jawab [a] dan [b].

- [a] Dengan menyertakan contoh-contoh yang sesuai bincangkan aspek-aspek kelemahan kaedah bacaan huruf dalam pengajaran Bahasa Melayu yang digunakan oleh guru-guru di peringkat prasekolah di negara ini.

[10 markah]

- a) Huraikan perbezaan antara Kaedah Bacaan Fonik Universiti Sains Malaysia dengan Kaedah Bacaan Fonik Bacalah Anakku dalam pengajaran dan pembelajaran perkataan-perkataan bersuku kata tertutup.

[15 markah]

Bahagian B: Jawab DUA soalan sahaja.

3. Seorang penyelidik ingin menjalankan SATU penyelidikan bagi menjawab persoalan mengenai peringkat dan urutan pemerolehan ayat tanya tempelan dalam kalangan kanak-kanak B1 bahasa Melayu menggunakan pakai pangkalan data CHILDES dan program berkomputer. Dengan mengemukakan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan secara kritis LIMA kelebihan dan keberkemungkinan kekurangan menggunakan pakai pangkalan data dan program tersebut bagi tujuan penganalisisan bahasa kanak-kanak.

[25 markah]

4. Jawab soalan [a] dan [b].

- [a] Dengan mengemukakan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan LIMA kaedah penilaian linguistik klinikal yang sering kali diguna pakai oleh para penyelidik di Malaysia bagi mengenal pasti penyetempatan pelbagai fungsi bahasa di dalam otak.

[10 markah]

- [b] Bincangkan, secara kritis LIMA kelemahan dan batasan pendekatan ini.

[15 markah]

5. Jawab SAMA ADA [a] ATAU [b].

SAMA ADA

- [a] Bincangkan kerelevansian pernyataan Asmah (1968: 21) tentang keproduktifan afiks pinjaman dalam **Data 2** pada dekad ini dari sudut sosiomorfologi – “Borrowing of words does not only enrich the vocabulary but also introduces new linguistic features. As such new affixes are borrowed ...”. Pastikan kata berafiks pinjaman dikenal pasti, dan rajah pohon morfologi disertakan dalam perbincangan anda.

**Data 2**

- i. Pelayaran islamik ajak peserta muhasabah diri  
(<http://www.bharian.com.my/node/125902>)
- ii. Ubah dasar penswastaan ‘Mahathirisme’- Khalid Ibrahim  
(<http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2015/05/28/ubah-dasar-penswastaan-mahathirisme-khalid-ibrahim/#sthash.QVfGUVOJ.dpuf>)
- iii. Meskipun Najib masih menghadapi tantangan dalaman di Kedah, Negeri Sembilan dan Johor yang ada kumpulan pro-Muhyiddin, namun kumpulan anti-Najib itu semakin lemah dan telah kehabisan pilihan.  
(<http://www.utusan.com.my/berita/politik/kuasa-kedudukan-najib-masih-kukuh-1.170850#sthash.fndyLrLq.dpuf>)

[10 markah]

ATAU

- [b] Menggunakan **Data 3**, bandingkan [I] Pernyataan Asmah (1968: 21) tentang penggunaan ‘di mana’ dengan [II] Pernyataan Khidmat Nasihat dalam Pusat Rujukan Persuratan Melayu tentang penggunaan ‘di mana’ dari sudut sosiosintaksis. Sertakan rajah slot/gatra paradigmatis ATAU rajah pohon skema X-Berpalang dalamuraian perbandingan anda.

## [I] Pernyataan Asmah (1968: 21)

Just as Arabic had greatly influenced the syntax of classical Malay, so does English with modern Malay. Nowadays the word *dimana* (where) is used as a relative pronoun just as the English *where*.

(<http://www.asj.upd.edu.ph/mediabox/archive/ASJ-06-01-1968/omar-interplay-structural-socio-cultural-factors-development-malay-languages.pdf>)

## [II] Pernyataan Khidmat Nasihat Pusat Rujukan Persuratan Melayu (2008-2016)

Frasa ‘yang mana’ dan ‘di mana’ sebagai kata hubung tidak digunakan. (Tatabahasa 16.12.2010)

Perlu diingat perkataan di mana tidak ada dalam ayat penyata sepertimana yang banyak digunakan sebagai padanan *which* dalam bahasa Melayu (Ejaan 20.6.2012)

(<http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=di+mana&d=10>)

**Data 3**

- |      |   |
|------|---|
| i.   | Menerusi indeks itu, firma Henley & Partners mendapati negara dari benua Eropah iaitu Jerman menduduki tangga pertama untuk nilai passport paling berpengaruh di mana pemegang passport negara ini memiliki visa akese percuma di 177 buah negara.<br>( <a href="http://www.sinarharian.com.my/nasional/pasport-malaysia-antara-paling-berkuasa-di-dunia-1.491413">http://www.sinarharian.com.my/nasional/pasport-malaysia-antara-paling-berkuasa-di-dunia-1.491413</a> )           |
| ii.  | Pihak berkuasa kesihatan hendaklah memeriksa tahap kebersihan di tempat di mana terdapat ramai kanak-kanak tinggal (contohnya tadika dan pusat penjagaan kanak-kanak) dan arahkan supaya tempat itu ditutup jika tahap kesihatannya tidak mencapai tahap kebersihan yang sepatutnya.<br>( <a href="http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/sosial/6858-hfmdpenyakit-jangkitan-virus.html">http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/sosial/6858-hfmdpenyakit-jangkitan-virus.html</a> ) |
| iii. | Pemandangan dari udara di Saint-Andre, Pulau Reunion, Perancis, menunjukkan pantai di mana serpihan pesawat dan bagasi koyak ditemui pada 29 Julai lalu.<br>( <a href="http://www.mstar.com.my/berita/berita-dunia/2015/08/02/serpihan-dipercayai-pintu-pesawat/">http://www.mstar.com.my/berita/berita-dunia/2015/08/02/serpihan-dipercayai-pintu-pesawat/</a> )   |

6. Kenal pasti peribahasa dan simpulan bahasa dalam **Petikan 1** dan **2**. Menggunakan Teori Relevans Sperber dan Wilson (Sperber & Wilson 1985, 1995, 1998, 2002), bincangkan cara dan fungsi peribahasa dan simpulan bahasa ini digunakan dalam kedua-dua petikan. Perlihatkan juga dalam perbincangan anda situasi jika peribahasa dan simpulan bahasa yang dikenal pasti ini tidak digunakan.

### Petikan 1

Kemudian saudara Ghazali Ngah Azia pula menghubungi saya melalui surat meminta persetujuan untuk memuatkan beberapa buah cerita sains yang pernah tersiar dalam Utusan Pelajar yang saya tulis ketika berada dalam tingkatan lima, untuk dimuatkan dalam antologi cerpen bersama yang beliau selenggarakan. Reaksi saya kecil tapak tangan nyiru saya tадahkan. Tambahan pula memang saya berasa satu penghormatan bila ada pihak lain yang sudi membukukan karya saya. Maka timbul semangat untuk menulis secara aktif. Lalu saya beranikan diri mengirimkan karya ke surat kabar.

(<http://latiptalib.blogspot.my/2005/02/kongsi-pengalaman-menulis.html>)

### Petikan 2

Tindakan Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kijal Datuk Seri Ahmad Said mengemukakan ‘usul’ undi tidak percaya terhadap Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman disifatkan sebagai ‘gila talak’.

Menyatakan demikian, Anggota Majlis Tertinggi UMNO Datuk Seri Azalina Othman Said berkata bekas menteri besar itu akan melakukan apa sahaja untuk menyandang jawatan itu semula.

(<http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/03/09/ahmad-said-gila-talak-azalina/>)

[25 markah]